

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJELASAN BERKAITAN BUMBUNG SEKOLAH RUNTUH
DI MUAR, JOHOR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada aduan berkaitan bumbung bangunan yang runtuh di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Menanti, Muar, Johor.

Untuk makluman, kerja-kerja menaik taraf bumbung sekolah dan penyelenggaraan bangunan serta lain-lain kerja berkaitan di SMK Seri Menanti, Muar, Johor dilaksanakan melalui perolehan secara sebut harga oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Muar selaras dengan peraturan perolehan yang berkuat kuasa. JKR Daerah Muar telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf bumbung dan penyelenggaraan bangunan di sekolah berkenaan bermula dari 16 Ogos 2021 dan dijangka siap pada Januari 2022.

KPM dan JKR Daerah Muar telah membuat siasatan dan mendapati struktur bumbung masih dalam pembinaan serta belum ditutup sepenuhnya. Angin kuat semasa kejadian telah memasuki struktur bumbung yang dalam keadaan separa terbuka telah menjadi punca kegagalan struktur bumbung di blok Meranti. Oleh yang demikian, pihak

perunding yang menjalankan kerja-kerja reka bentuk telah diarahkan untuk menjalankan siasatan terperinci dan menyediakan laporan berkaitan kegagalan tersebut termasuk keselamatan kerja bumbung di blok bersebelahan.

KPM dan JKR Daerah Muar telah mengarahkan pihak perunding dan kontraktor untuk mengambil tindakan pembaikan dengan segera setelah siasatan terperinci dilakukan bagi memastikan blok-blok yang terlibat dapat digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

12 DISEMBER 2021